



APPGM-SDG

DILULUSKAN OLEH PARLIMEN MALAYSIA KE-15

20
24



RINGKASAN EKSEKUTIF & LAPORAN AWAL

HASIL PEMETAAN KEPERLUAN KOMUNITI
DI KAWASAN PARLIMEN

P.108 SHAH ALAM

Ringkasan Eksekutif & Laporan Awal

HASIL PEMETAAN KEPERLUAN KOMUNITI
DI KAWASAN PARLIMEN

P.108 SHAH ALAM

Penyunting Siri

Nurul Syaza Mazelan

Penulis

Nurul Syaza Mazelan

Lydia Ann Bill



APPGM-SDG

DILULUSKAN OLEH PARLIMEN MALAYSIA KE-15

ISI KANDUNGAN

LAPORAN P.108 SHAH ALAM (SELANGOR)

Kata Pengantar - Nur Rahmah Othman	I-II
Pendahuluan - Nurul Syaza Mazelan & Siti Nur Ain Zakinuddin	III-XV

BAHAGIAN A

Laporan Lawatan Pemetaan Isu	1-6
------------------------------	-----

BAHAGIAN B

Laporan Pemetaan Isu

1.0 Pengenalan	8
2.0 Pemetaan Isu	9-21
3.0 Pengutamaan Isu	24-27



APPGM-SDG

DILULUSKAN OLEH PARLIMEN MALAYSIA KE-15

KATA PENGANTAR

Nur Rahmah Othman

Pemangku Timbalan Ketua Sekretariat

Kumpulan Rentas Parti Parlimen Malaysia Mengenai Matlamat Pembangunan Lestari (APPGM-SDG) telah aktif sejak 2020 dalam menggerakkan agenda penyetempatan SDG di peringkat kawasan parlimen di seluruh negara. Melalui pendekatan utama pemetaan isu, APPGM-SDG menjalankan perbincangan kumpulan fokus bersama kumpulan sasaran tempatan untuk mengenal pasti cabaran mereka dan mencadangkan penyelesaian melalui projek komuniti berasaskan SDG serta intervensi dasar yang sesuai.

Dari 2020 hingga 2023, APPGM-SDG telah mengunjungi 87 kawasan parlimen. Pada 2024, inisiatif ini diperluaskan ke 30 kawasan parlimen baharu, membolehkan pasukan kami mendalami isu akar umbi dan menentukan keutamaan tempatan. Lawatan tapak ini memberikan pandangan komprehensif mengenai situasi sebenar di lapangan dan mengenal pasti penyelesaian yang diperlukan.

Hasil lawatan tersebut, 30 laporan awal pemetaan isu telah disediakan pada tahun 2024, terkandung dalam jilid bertajuk "*Ringkasan Eksekutif dan Laporan Awal: Hasil Pemetaan Keperluan Komuniti di Kawasan Parlimen 2024*". Laporan ini dipecahkan mengikut zon dan wilayah – Utara, Timur, Tengah, Selatan, Sabah, dan Sarawak – sebagaimana diperincikan dalam **Jadual 1**. Selain itu, laporan bergambar turut disertakan, memaparkan butiran lawatan tapak dan isu yang dikenal pasti. Laporan individu juga disediakan bagi memudahkan rujukan ahli Parlimen dan pihak berkepentingan untuk merujuk laporan mengikut kawasan Parlimen tertentu.

Jadual 1: Pecahan kawasan Parlimen mengikut jilid

JILID	ZON/WILAYAH	JUMLAH KAWASAN PARLIMEN	PENYELIDIK
Jilid 1	Zon Utara	9	3
Jilid 2	Zon Timur	4	3
Jilid 3	Zon Tengah	7	5
Jilid 4	Zon Selatan	4	3

JILID	ZON/WILAYAH	JUMLAH KAWASAN PARLIMEN	PENYELIDIK
Jilid 5	Wilayah Sabah	3	1
Jilid 6	Wilayah Sarawak	3	1
JUMLAH KESELURUHAN		30	

Laporan awal ini menggunakan pendekatan kualitatif yang menangkap suara-suara akar umbi, termasuk emosi, keperluan, dan keutamaan masyarakat tempatan. Walaupun laporan ini tidak mengandungi transkrip penuh perbincangan kumpulan fokus, ia cukup memberikan analisis situasi yang menggambarkan realiti kehidupan komuniti di lapangan. Laporan lengkap, termasuk nota transkrip penuh, akan diterbitkan untuk rujukan Ahli Parlimen yang terlibat dan boleh diakses oleh pihak awam atas permintaan untuk kajian lanjut.

Laporan-laporan ini akan dijadikan asas untuk perbincangan lanjut di peringkat lebih tinggi di Parlimen, serta bersama agensi-agensi dan kementerian kerajaan yang berkenaan. Tujuan utama adalah untuk merangka penyelesaian yang lebih komprehensif dan mendorong perubahan dasar yang relevan bagi menangani isu-isu yang dikenal pasti.

PENGHARGAAN

Saya ingin merakamkan penghargaan kepada ahli jawatankuasa APPGM-SDG, Ketua Sekretariat APPGM-SDG, dan pengarah-pengarah APPGM-SDG, semua Ahli Parlimen, agensi kerajaan, terutama pejabat daerah, dan pihak-pihak yang mempermudah dialog serta penyertaan dalam inisiatif APPGM-SDG pada tahun 2024.

Ucapan tahniah khas ditujukan kepada Puan Nurul Syaza Mazelan selaku penyunting siri enam jilid ini atas dedikasi beliau menyunting laporan-laporan yang disediakan oleh pasukan penyelidik APPGM-SDG. Terima kasih juga kepada para penyelidik iaitu Dr Wan Suzita Wan Ibrahim, Dr Siti Nur Ain Zakinuddin, Dr Thanaraj Murudi, Cik Siti Noraiyah Rohim, Cik Raine Melissa Riman, Dr Eva Kristin Larry Sait, Cik Nurrul Fazlina Osman, dan Cik Mc Jeanet Lempisik @ Marx serta pasukan Komunikasi Korporat APPGM-SDG, yang diketuai Cik Zoel Ng, dan khususnya Puan Maisarah Mohd Asri, Jeremiah Nathan Raj, Hirzawati Atikah Mohd Tahir dan Arif Azhad Abdul Ghaffar atas usaha kreatif dalam memastikan penerbitan bahan ini berjaya.

Semoga usaha ini terus memperkukuh langkah kita dalam mencapai pembangunan lestari untuk seluruh rakyat Malaysia.

PENDAHULUAN

Nurul Syaza Mazelan

Timbalan Pengarah Unit Penyelarasan Kawasan Parlimen

Siti Nur Ain Zakinuddin

Penyelaras APPGM-SDG Zon Pantai Timur

Penyetempatan Matlamat Pembangunan Lestari atau *Sustainable Development Goals* (SDG) dengan 17 matlamat utama merupakan satu usaha yang giat dijalankan di seluruh dunia. Kekangan perubahan iklim, ketidakadilan sosial dan kemerosotan alam sekitar yang berterusan menggesa Malaysia untuk bertindak dengan lebih agresif terutama bagi membantu komuniti terpinggir supaya diangkat dan lebih maju ke hadapan berikutan persaingan global yang tidak menentu. Bagi Malaysia, SDG amat penting kerana ia selaras dengan wawasan negara untuk menjadi sebuah negara maju dan mampan. Komitmen terhadap SDG juga mengukuhkan kerjasama antarabangsa dan menunjukkan kepimpinan Malaysia dalam pembangunan mampan.

Pelaksanaan SDG di Malaysia meliputi pelbagai sektor, termasuk pembangunan sosial, ekonomi, alam sekitar, infrastruktur, dan tadbir urus. Antara langkah proaktif menunjukkan komitmen Malaysia untuk mencapai pembangunan yang lebih inklusif dan mampan ialah melalui penubuhan APPGM-SDG. APPGM-SDG telah berfungsi sebagai satu entiti penting yang menggerakkan penyetempatan SDG di Malaysia melalui kerjasama ahli-ahli parlimen.

Seperti tahun sebelumnya, APPGM-SDG meletakkan kajian pemetaan isu sebagai pendekatan utama dalam mendapatkan isu-isu dari komuniti akar umbi, justeru rangka kerja komprehensif ini sekali lagi diteruskan pada tahun 2024. Proses ini penting terutamanya kepada komuniti akar umbi untuk memastikan suara mereka didengari. Pihak kami telah menumpukan usaha yang berganda untuk mempertimbangkan perspektif ekonomi, alam sekitar dan sosial dari kawasan pedalaman sehingga kawasan bandar untuk memastikan tiada sesiapa ketinggalan.

Pada tahun 2024, proses pemetaan isu telah dilakukan dengan lebih mendalam melalui keterlibatan agensi Kerajaan, swasta dan juga NGO. Perbincangan bersama agensi juga menjadi satu keperluan yang memberi kesan kepada hasil analisis isu yang ditemui. Berbanding tahun sebelumnya, proses pemetaan isu tahun 2024 mengambil masa

selama lebih dua minggu untuk dijalankan sesi dialog bersama agensi. Ini adalah bagi memberi ruang dan masa untuk setiap agensi lebih bersedia dengan data dan tindakan yang telah dilakukan oleh agensi-agensi mengenai isu yang disuarakan oleh komuniti setempat.


Selain itu, adalah menjadi tanggungjawab APPGM-SDG untuk memastikan proses pemetaan isu ini mendapat persetujuan penuh dari setiap peserta terlibat, justeru setiap kali sebelum memulakan sesi dialog, kebenaran bagi merakam audio serta mengambil gambar diperoleh terlebih dahulu. Laporan yang dibukukan ini adalah bertepatan dengan input pemetaan isu sepertimana rakaman audio yang diambil semasa sesi dialog. Peserta juga dimaklumkan bahawa rakaman audio adalah bagi tujuan dokumentasi serta perbincangan inisiatif dasar dan audio akan disimpan rapi tanpa disebar kepada umum. Oleh itu, laporan ini tidak akan sesekali berkongsi rakaman audio yang telah dirakam bagi menjaga kepercayaan yang diberi dari peserta kepada pihak penyelidik.

Sebagai hasil kerja keras pasukan APPGM-SDG, kami berbesar hati untuk berkongsi Ringkasan Eksekutif dan Laporan Awal: Hasil Pemetaan Keperluan Komuniti Kawasan Parlimen 2024. Laporan ini disusun dalam enam jilid berbeza melibatkan Zon Utara, Zon Selatan, Zon Pantai Timur, Zon Tengah, Wilayah Sabah dan Wilayah Sarawak. Selain itu, laporan individu mengikut Parlimen juga disediakan untuk rujukan khusus mengikut parlimen tertentu.

Ketua penyelidik yang juga merupakan penulis laporan telah mengambil langkah mendokumentasikan semua isu utama diutarakan dalam sesi dialog yang telah diadakan. Justeru, laporan awal ini mengandungi input perkongsian dan luahan oleh pelbagai pihak termasuk ahli parlimen, pegawai Daerah/Jajahan, ketua komuniti dan masyarakat akar umbi. Semoga laporan ini dapat dijadikan rujukan semua pihak dalam memahami isu penduduk setempat dan memacu pembangunan lestari.

30 kawasan Parlimen telah terpilih untuk menjalankan kajian pemetaan isu dan penyetempatan SDG bagi tahun 2024 merangkumi semua zon di Semenanjung Malaysia serta wilayah Sabah dan Sarawak. Hasil pemetaan isu 30 kawasan Parlimen bagi tahun 2024 ini membawa jumlah kumulatif sebanyak 115 ahli Parlimen telah bekerjasama dengan pihak APPGM-SDG sejak tahun 2020 sehingga kini.

**KAWASAN PARLIMEN TERLIBAT
DENGAN GERAK KERJA APPGM-SDG
DARI TAHUN 2020-2024**



Laporan Awal bagi 30 kawasan Parlimen ini telah dibahagikan mengikut zon dan wilayah. Empat jilid merangkumi empat zon di Semenanjung Malaysia iaitu zon Utara, Timur, Tengah dan Selatan. Manakala, 2 jilid lagi berfokus di Wilayah Sabah dan Sarawak. Terdapat lapan penyelidik yang telah mengetahui proses pemetaan isu di kawasan Parlimen bagi tahun 2024. **Jadual 2** menunjukkan senarai penuh 30 kawasan terpilih untuk tahun 2024.

Jadual 2: Senarai 30 Kawasan Parlimen Terlibat dengan Gerak Kerja APPGM-SDG bagi Tahun 2024

BIL.	ZON/WILAYAH	NEGERI	DAERAH/BAHAGIAN	PARLIMEN	KOD	NAMA AHLI PARLIMEN	PARTI	KETUA PENYELIDIK APPGM-SDG
1.	Utara	Perak	Pengkalan Hulu	Gerik	P054	YB Tuan Fathul Huzir bin Ayob	PN- BERSATU	Dr Thanaraj Murudi
2.	Utara	Perak	Kerian	Bagan Serai	P058	YB Datuk Idris Bin Ahmad	PN-PAS	Dr Thanaraj Murudi
3.	Utara	Kedah	Langkawi	Langkawi	P004	YB Dato' Haji Mohd Suhaimi Bin Haji Abdullah	PN- BERSATU	Siti Noraiysah Rohim
4.	Utara	Perak	Perak Tengah	Parit	P069	YB Tuan Muhammad Ismi Bin Mat Taib	PN -PAS	Siti Noraiysah Rohim
5.	Utara	Pulau Pinang	Seberang Perai Utara	Tasek Gelugor	P042	YB Datuk Wan Saifulruddin Wan Jan	PN- BERSATU	Siti Noraiysah Rohim
6.	Utara	Pulau Pinang	Barat Daya dan Timur Laut	Bayan Baru	P052	YB Tuan Sim Tze Tzin	PH-PKR	Siti Noraiysah Rohim

BIL.	ZON/WILAYAH	NEGERI	DAERAH/BAHAGIAN	PARLIMEN	KOD	NAMA AHLI PARLIMEN	PARTI	KETUA PENYELIDIK APPGM-SDG
7.	Utara	Pulau Pinang	Timur Laut	Bukit Bendera	P048	YB Puan Syerleena binti Abdul Rashid	PH-DAP	Dr Wan Suzita Wan Ibrahim
8.	Utara	Perak	Perak Tengah	Pasir Salak	P073	YB Tuan Jamaludin Bin Yahya	PN-PAS	Dr Wan Suzita Wan Ibrahim
9.	Utara	Perlis	Negeri Perlis	Arau	P003	YB Dato' Seri Dr. Shahidan Bin Kassim	PN-PAS	Dr Wan Suzita Wan Ibrahim
10.	Timur	Pahang	Maran dan Temerloh	Kuala Krau	P087	YB Tuan Kamal Bin Ashaari	PN-PAS	Dr Thanaraj Murudi
11.	Timur	Pahang	Pekan	Pekan	P085	YB Dato' Sri Sh Mohmed Puzi Bin Sh Ali	BN-UMNO	Dr Wan Suzita Wan Ibrahim
12.	Timur	Terengganu	Hulu Terengganu	Hulu Terengganu	P038	YB Dato' Rosol Bin Wahid	PN-BERSATU	Dr Siti Nur Ain Zakinuddin

BIL.	ZON/WILAYAH	NEGERI	DAERAH/BAHAGIAN	PARLIMEN	KOD	NAMA AHLI PARLIMEN	PARTI	KETUA PENYELIDIK APPGM-SDG
13.	Timur	Kelantan	Kota Bharu	Ketereh	P026	YB Dato' Khilir Bin Mohd Nor	PN	Dr Siti Nur Ain Zakinuddin
14.	Tengah	Selangor	Klang	Kapar	P109	YB Dr. Hajah Halimah Ali	PN-PAS	Dr Thanaraj Murudi
15.	Tengah	Selangor	Klang	Klang	P110	YB Tuan Ganabatirau A/L Veraman	PH-DAP	Dr Thanaraj Murudi
16.	Tengah	Selangor	Kuala Selangor	Tg Karang	P095	YB Dato' Dr. Zulkafperi Bin Hanapi	PN	Siti Noraiysah Rohim
17.	Tengah	Kuala Lumpur	Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur	Batu	P115	YB Tuan Prabakaran A/L M Parameswaran	PH-PKR	Dr Siti Nur Ain Zakinuddin
18.	Tengah	Selangor	Sabak Bernam	Sungai Besar	P093	YB Datuk Muslimin Bin Yahaya	PN- BERSATU	Mohamed Daniel Mokhtar
19.	Tengah	Selangor	Shah Alam	Shah Alam	P108	YB Tuan Haji Azli Bin Yusof	PH- AMANAHAH	Nurul Syaza Mazelan

BIL.	ZON/WILAYAH	NEGERI	DAERAH/BAHAGIAN	PARLIMEN	KOD	NAMA AHLI PARLIMEN	PARTI	KETUA PENYELIDIK APPGM-SDG
20.	Tengah	Kuala Lumpur	Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur	Bandar Tun Razak	P124	YB Dato' Seri Dr. Wan Azizah Binti Wan Ismail	PH-PKR	Nurul Syaza Mazelan
21.	Selatan	N. Sembilan	Port Dickson	Port Dickson	P132	YB Dato' Seri Aminuddin Bin Harun	PH-PKR	Siti Noraiysah Rohim
22.	Selatan	Negeri Sembilan	Kuala Pilah	Kuala Pilah	P129	YB Dato' Adnan Bin Abu Hassan	BN-UMNO	Dr Wan Suzita Wan Ibrahim
23.	Selatan	Johor	Tangkak	Ledang	P142	YB Tuan Syed Ibrahim Bin Syed Noh	PH-PKR	Dr Wan Suzita Wan Ibrahim
24.	Selatan	Johor	Muar, Tangkak, Segamat	Pagoh	P143	YB Tan Sri Dato' Haji Mahiaddin Bin Md Yasin	PN-BERSATU	Nurul Syaza Mazelan
25.	Sarawak	Sarawak	Bau dan Lundu	Mas Gading	P192	YB Tuan Mordi Anak Bimol	PH-DAP	Raine Melissa Riman

BIL.	ZON/WILAYAH	NEGERI	DAERAH/BAHAGIAN	PARLIMEN	KOD	NAMA AHLI PARLIMEN	PARTI	KETUA PENYELIDIK APPGM-SDG
26.	Sarawak	Sarawak	Bahagian Mukah (Daerah Mukah dan Daerah Dalat, Daerah Kecil Oya dan Balingian)	Mukah	P213	YB Dato Hajjah Hanifah Hajar Taib	GPS-PBB	Raine Melissa Riman
27.	Sarawak	Sarawak	Bahagian Miri (Daerah Subis, Daerah Kecil Niah)	Sibuti	P218	YB Dato Lukanisman Bin Awang Sauni	GPS-PBB	Raine Melissa Riman
28.	Sabah	Sabah	Kota Marudu	Kota Marudu	P168	YB Datuk Wetrom Bin Bahanda	KDM	Nurrul Fazlina Osman
29.	Sabah	Sabah	Sipitang	Sipitang	P178	YB Datuk Matbali Bin Musah	GRS	Nurrul Fazlina Osman
30.	Sabah	Sabah	Kinabatangan dan Tongod	Kinabatangan	P187	YB Datuk Seri Panglima Moktar Bin Radin	BN- UMNO	Nurrul Fazlina Osman

METODOLOGI KAJIAN

Dalam proses pemetaan isu, pihak APPGM-SDG memastikan untuk mendapat persetujuan penuh daripada semua pihak terlibat secara langsung termasuk ahli Parlimen, agensi Kerajaan, dan semua peserta yang terlibat. Kajian ini melalui beberapa proses utama seperti mesyuarat awalan bersama ahli Parlimen, pemprofilan kawasan Parlimen, pra-lawatan, bersama Pegawai Daerah dan agensi Kerajaan, lawatan tapak selama tiga hari, sesi dialog bersama agensi dan pengutamaan isu bersama ahli Parlimen. Proses ini adalah penting untuk memastikan dapatan kajian dikumpul secara kumulatif dari semua pihak berkepentingan.

PROSES PEMETAAN ISU APPGM-SDG



1. MESYUARAT AWALAN

Mesyuarat awalan melibatkan Ahli Parlimen (MP) dan Pegawai Khas bersama dengan pasukan sekretariat APPGM-SDG mengenai latarbelakang dan gerak kerja APPGM-SDG.



2. SESI PEMPROFILAN KAWASAN PARLIMEN

Perbincangan bersama MP, Pegawai Khas dan Ketua Penyelidik mengenai profil kawasan parlimen



3. PENGLIBATAN DENGAN PEGAWAI AGENSI KERAJAAN (PRA-LAWATAN)

- Pengenalan kepada APPGM-SDG
- Kerjasama bersama Pegawai Daerah berkaitan jemputan sesi dialog bersama agensi kerajaan

4. LAWATAN TAPAK 3 HARI

- Lawatan dan perbincangan bersama komuniti sasaran
- Perbincangan kumpulan fokus (FGD) merangkumi isu sosial, ekonomi dan persekitaran



5. DIALOG ANTARA AGENSI

- Perbincangan berkenaan isu yang dikenalpasti semasa lawatan tapak tiga hari
- Maklum balas dan pandangan daripada agensi terhadap isu ditemui



6. PENGUTAMAAN ISU BERSAMA AHLI PARLIMEN

Perbincangan bersama MP mengenai isu yang dikumpulkan dan mengenalpasti isu utama yang terdesak

7. PROJEK SOLUSI

- Projek dijalankan adalah berdasarkan isu dan perbincangan bersama MP
- Melibatkan penyetempatan SDG
- Fokus terhadap sosial, ekonomi dan persekitaran



Perbincangan yang diadakan di dalam proses ini dirakam secara audio oleh penyelidik untuk tujuan dokumentasi dan penganalisaan selanjutnya. Sebelum rakaman dibuat, penyelidik juga akan memaklumkan kepada peserta tujuan rakaman dibuat dan rakaman tersebut disimpan selamat oleh pihak APPGM-SDG dan tidak boleh dikongsi secara terbuka. Maka, laporan-laporan ini dibuat adalah berdasarkan terjemahan daripada perbincangan yang telah diadakan dengan merujuk kepada audio rakaman sebagai data utama.

Kumpulan sasaran ditetapkan berdasarkan perbincangan isu awalan bersama ahli Parlimen dan agensi Kerajaan semasa pemprofilan dan pra-lawatan. Terdapat 41 kumpulan sasaran yang menjadi fokus seperti berikut:

STATUS INDIVIDU		KAUM MINORITI
<ol style="list-style-type: none"> 1. Kumpulan B40 / miskin tegar 2. Penduduk M40 3. Orang kurang upaya (OKU) 4. Ibu / Bapa tunggal 5. Wanita 6. Warga emas 7. Belia 8. Kanak-kanak 9. Warga asing / Pelarian 10. Tiada warganegara 11. Ketua Isi Rumah 		<ol style="list-style-type: none"> 1. Komuniti Cina 2. Komuniti India 3. Komuniti Siam 4. Orang Asli/Asal 5. Komuniti Bugis 6. Komuniti Iban 7. Komuniti Kedayan
JENIS PEKERJAAN		PENDIDIKAN
Pertanian	<ol style="list-style-type: none"> 1. Petani 2. Peladang/Peneroka 3. Penoreh 4. Penternak 	<ol style="list-style-type: none"> 1. PIBG Sekolah 2. Pelajar sekolah 3. Pelajar Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) 4. Pelajar Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA)
Perikanan	<ol style="list-style-type: none"> 1. Nelayan laut 2. Nelayan darat 	
Perdagangan	<ol style="list-style-type: none"> 1. Peniaga 2. Penjaja 3. Pengusaha Industri Kecil dan Sederhana (IKS) 4. Pengusaha Homestay 	

Perindustrian	1. Pemilik kilang	Organisasi / Persatuan
Perkhidmatan	1. Petugas/Penyelia PPDK 2. Veteran ATM dan Polis 3. Penghulu- Penghulu Mukim 4. Pemimpin Tempatan 5. Malim gunung	1. Badan bukan kerajaan (NGO) 2. Persatuan Sukarelawan 3. Persatuan Penduduk 4. Koperasi Komuniti

PENEMUAN KESELURUHAN

Daripada hasil penemuan pemetaan isu di semua kawasan Parlimen terpilih bagi tahun 2024, 26 isu tematik utama yang telah dikenal pasti sebelum ini masih relevan apabila terdapat isu dalam terangkuman yang sama dibangkitkan. Secara kolektifnya, antara isu yang terdesak bagi tahun 2024 yang sering diutarakan adalah berkaitan:

1. Kesukaran untuk mengakses sokongan kebajikan Kerajaan, bantuan dan subsidi
2. Masalah infrastruktur telekomunikasi
3. Kelestarian kehidupan penduduk di rumah kos rendah
4. Masalah banjir
5. Akses kepada air bersih dan terawatt
6. Keperluan pembangunan infrastruktur
7. Cabaran pembangunan ekonomi bagi sektor pertanian
8. Cabaran pembangunan belia
9. Tekanan ekonomi semasa kepada individu dan usahawan kecil tempatan
10. Pencemaran alam sekitar

Selain itu, terdapat juga isu-isu baharu yang banyak dibangkitkan dalam pemetaan isu di kawasan Parlimen 2024. Hal ini adalah kerana perubahan tren semasa dalam arus pembangunan memberi impak kepada masyarakat umum. Antara isu-isu baharu ditemui adalah seperti:

1. Keciciran pendidikan bagi pelajar B40, Orang Asal dan Orang Asli
2. Konflik manusia dan haiwan liar
3. Cabaran pendigitalan

Bagi pengkhususan isu utama yang banyak diutarakan mengikut zon dan wilayah adalah seperti yang dijelaskan di dalam **Jadual 3**.

ZON / WILAYAH	ISU UTAMA
Zon Utara	<ul style="list-style-type: none"> • Gejala sosial • Kurang kepelbagaian peluang pekerjaan • Kos sara hidup yang tinggi • Keciciran Pendidikan • Kekurangan infrastruktur dan kemudahan asas • Masalah banjir • Pencemaran air dan udara
Zon Timur	<ul style="list-style-type: none"> • Kekurangan maklumat untuk mendapatkan bantuan • Infrastruktur yang lemah dalam bidang pertanian • Kurang pengetahuan pemasaran dalam kalangan petani • Kurang kepelbagaian peluang pekerjaan • Penghijrahan ke bandar • Kos sara hidup yang tinggi
Zon Tengah	<ul style="list-style-type: none"> • Birokrasi dan kekurangan maklumat untuk mendapatkan bantuan • Tahap pengurusan untuk kutipan sampah dan penyelenggaraan yang lemah di kawasan rumah kos rendah • Masalah banjir berpunca daripada penyelenggaraan perparitan yang lemah • Gejala sosial yang berkaitan dengan golongan belia
Zon Selatan	<ul style="list-style-type: none"> • Masalah banjir • Konflik hidupan liar dan manusia • Keciciran pendidikan • Kenaikan kos sara hidup • Kesukaran mendapatkan lesen nelayan • Kekurangan infrastruktur dan kemudahan asas
Wilayah Sabah	<ul style="list-style-type: none"> • Keciciran pendidikan kerana jarak yang jauh ke sekolah • Konflik kewarganegaraan kerana kekurangan dokumentasi • Keperluan pembangunan infrastruktur dan utiliti (jalan, telekomunikasi, bekalan air dan elektrik) • Keperluan sokongan dan bantuan penjana pendapatan • Pengurusan kutipan sampah yang tidak efisien

Wilayah Sarawak	<ul style="list-style-type: none">• Kurang penyelenggaraan sistem perparitan menjadi punca banjir• Penyeludupan barang di sempadan• Kualiti perkhidmatan kesihatan yang lemah• Konflik kewarganegaraan kerana kekurangan dokumentasi• Keperluan pembangunan infrastruktur dan utiliti (jalan, telekomunikasi, bekalan air dan elektrik)• Konflik pemilikan tanah• Kemerosotan identiti budaya dan bahasa• Konflik manusia – hidupan liar
-----------------	---

BAHAGIAN A

LAPORAN

LAWATAN PEMETAAN ISU

P.108 SHAH ALAM (SELANGOR)

24 - 26 Februari 2024 (Sabtu - Isnin)

TEMPAT-TEMPAT YANG TELAH DILAWATI

HARI 1

1. Sesi Dialog bersama Komuniti Ibu Tunggal
2. Lawatan Tapak 1 di Tapak Peniaga Sementara
3. Sesi Dialog bersama Komuniti Belia Niaga
4. Sesi Dialog bersama Komuniti Peniaga

HARI 2

5. Sesi Dialog bersama Komuniti B40
6. Sesi Dialog bersama Komuniti Pangsapuri
7. Sesi Dialog bersama Komuniti India

HARI 3

8. Lawatan Tapak 2 ke Kampung Pasu Bunga
9. Sesi Dialog bersama Mantan Ahli Majlis MBSA
10. Sesi Dialog bersama Komuniti Kampung Kuantan

PASUKAN PENYELIDIK



Lydia Ann
(Ketua Penyelidik)



Anthony Tan



Mary Malar



Nur Aisyah

**Dengan sokongan
daripada
Ahli Parlimen
Shah Alam,
YB Tuan Hj Azli Yusof**



20 Disember 2023 - Mesyuarat Awalan

Mesyuarat awalan bersama Ahli Parlimen Shah Alam, YB Tuan Hj Azli Yusof di Pejabat Parlimen Shah Alam. Pihak YB telah bersetuju dengan cadangan untuk mengadakan lawatan tapak pada bulan Februari 2024 dan persiapan program akan dijalankan sepanjang bulan Januari.



9 Januari 2024 - Mesyuarat Pemprofilan

Mesyuarat Pemprofilan bersama wakil ahli Parlimen Shah Alam, En Sanawi dan En Yazid untuk memahami latar belakang dan isu awalan parlimen Shah Alam.



31 Januari 2024 - Mesyuarat Susulan

Perjumpaan susulan bersama pegawai Pejabat Daerah Petaling mengenai kerjasama bagi interagensi dialog bagi Parlimen Shah Alam.



1. Sesi Dialog bersama Komuniti Ibu Tunggal

Sesi dialog pertama telah diadakan bersama komuniti ibu tunggal Seksyen 24 dimana isu-isu yang telah dipertengahan adalah mengenai **(1)** budaya lepak dan rempit dalam golongan budak sekolah, **(2)** penggunaan VAPE dalam kalangan pelajar sekolah rendah, **(3)** kos sara hidup meningkat termasuk kos sewa rumah dan harga barangan yang tinggi, **(4)** kurang literasi digital dalam golongan warga emas dan ini menyukarkan untuk mengisi borang kerajaan dalam talian dan **(5)** peluang pekerjaan terjejas ditambah lagi dengan isu boikot terhadap sesetengah francais seperti McDonald dan KFC.



2. Lawatan Tapak 1 di Tapak Peniaga Sementara

Lawatan ke tapak peniaga sementara di tempat letak kereta hadapan Pasaraya Ole Ole. Peniaga-peniaga diberikan tempat untuk meniaga sementara di tempat letak kereta kawasan tersebut. Hal ini adalah untuk mengelakkan mereka berniaga secara bersepah di Shah Alam sementara menunggu lesen peniagaan untuk diluluskan. Namun, keuntungan peniaga-peniaga kecil terkesan disebabkan kos harga barang yang tinggi di samping terlalu banyak saingan dengan peniaga lain di persekitaran tersebut.



3. Sesi Dialog bersama Komuniti Belia Niaga

FGD 2 telah diadakan bersama komuniti belia niaga Seksyen 18. Antara isu yang dipertengahkan adalah (1) kos sara hidup yang tinggi, (2) terdapat banyak peniaga 'Rambo' iaitu istilah yang digunakan untuk perniagaan tanpa lesen, (3) perebutan tapak meniaga antara para peniaga, (4) aplikasi *Grabfood* dan *Foodpanda* telah mengurangkan komisen kepada *rider* apabila *rider* mengambil pesanan jarak jauh, dan (5) terlalu banyak peniaga (tapak meniaga) dalam satu kawasan menyebabkan kesesakan jalan raya dan mengurangkan pelanggan.



4. Sesi Dialog bersama Komuniti Peniaga

FGD 3 telah diadakan bersama komuniti Peniaga Uptown PKNS Shah Alam. Antara isu yang diketengahkan adalah (1) Tiktok Shop telah memberi kesan kepada hasil jualan di kedai, (2) penganjur untuk EXPO atau festival mengenakan sewa tapak yang mahal, (3) pengurusan sampah perlu diberi perhatian. Terdapat juga beberapa cadangan yang diberikan oleh mereka seperti (1) menjadikan *Uptown PKNS* sebagai pusat pelancongan, (2) memperbanyakkan papan tanda untuk *Uptown Market*, dan (3) mengadakan program perkongsian ilmu seperti kursus keusahawanan dan kursus pengurusan kewangan.



5. Sesi Dialog bersama Komuniti B40

FGD 4 dihadiri oleh komuniti B40 Pangsapuri Melati di Taman Bukit Subang. Antara isu yang ditengahkan adalah **(1)** keperluan untuk diadakan kelas tambahan untuk anak-anak khususnya dalam mata pelajaran Matematik, Sains dan Bahasa Inggeris terutamanya kepada pelajar sekolah rendah, **(2)** tiada pusat kesihatan berdekatan, **(3)** tiada pusat sukan dan komuniti, **(4)** data dalam sistem digital perlu di semak kembali kerana ketidakadilan dalam pengagihan bantuan, dan **(5)** orang luar mengambil kesempatan untuk meletakkan kereta dalam kawasan pangsapuri dan menyebabkan kesesakan jalan.



6. Sesi Dialog bersama Komuniti Pangsapuri

FGD 5 dihadiri oleh Komuniti Pangsapuri Sunway Sinar, Seksyen U9. Antara isu yang diketengahkan **(1)** bumbung pangsapuri bocor dan sudah lama tidak diselenggara, **(2)** JMB perlu memantau lorong-lorong setiap bangunan yang dipenuhi najis kucing liar, **(3)** masalah kos meter pukal yang membebankan penduduk, **(4)** bas Rapid tidak dapat berhenti berdekatan kerana tiada papan tanda walaupun ada peta laluan bas, dan **(5)** taman permainan tidak diselia menyebabkan ianya kotor dan botol minuman bertaburan.



7. Sesi Dialog bersama Komuniti India

Sesi FGD 6 bersama komuniti India telah mengetengahkan isu-isu seperti **(1)** kekurangan peluang pendidikan dalam komuniti India, **(2)** masalah ketiadaan IC dan sijil lahir dalam golongan India yang sudah lama menetap di Shah Alam, **(3)** kekurangan peluang pekerjaan, **(4)** lambakan warga asing yang memonopoli perniagaan (Ali Baba) tempatan, dan **(5)** banyak jalan yang tidak diselenggara di sekitar Shah Alam.



8. Lawatan Tapak 2 ke Kampung Pasu Bunga

Kampung Pasu Bunga (P.108 Shah Alam) merupakan kawasan berisiko dilanda banjir. Antara penyebab adalah **(1)** pembangunan persekitaran kampung seperti kondominium / apartment/ industri telah menyebabkan pembersihan tanah dan kawasan kampung tenggelam seperti kawah telah menyebabkan air mudah membanjiri kawasan kampung, **(2)** infrastruktur kolam takungan yang perlu penyelenggaraan, dan **(3)** sistem perparitan yang perlu diperbaiki.



9. Sesi Dialog bersama Mantan Ahli Majlis MBSA

FGD 7 bersama mantan ahli majlis MBSA. Antara isu yang diketengahkan ialah **(1)** cara pemilihan ahli majlis perlu ditambah baik, **(2)** pembahagian bidang kuasa yang berbeza dalam pengurusan longkang menyukarkan proses peyelenggaraan (JPS, MBSA dan Pejabat Daerah), **(3)** isu pemutihan kilang haram, **(4)** isu birokrasi pemprosesan permit pekerja asing, **(5)** pembersihan kawasan hutan tanpa penelitian mendalam mengakibatkan hidupan mencerooboh kawasan perumahan, dan **(6)** rungutan mengenai rasuah dalam kalangan polis dan pegawai imigresen.



10. Sesi Dialog bersama Komuniti Kampung Kuantan


FGD 8 bersama Komuniti Kampung Kuantan yang mana isu-isu yang telah dikupas merangkumi isu-isu seperti **(1)** kegiatan penyalahgunaan dadah dalam kalangan belia, **(2)** jalan simpang empat (4) Bukit Kuda memerlukan bongol jalan atau *speed breaker* bagi memperlambatkan lalu lintas, **(3)** tiada industri yang membawa pekerjaan kepada belia yang menyebabkan mereka semua harus berhijrah keluar kawasan, **(4)** tiada industri pertanian atau penternakan dan para penduduk juga memerlukan latihan untuk menjalankan pertanian alternatif seperti fertigasi dan sebagainya, dan **(5)** kolam takungan di Taman Berkeli tidak cukup untuk menampung saluran sungai apabila berlakunya banjir.

BAHAGIAN B

LAPORAN PEMETAAN ISU

P.108 SHAH ALAM (SELANGOR)

1.0 PENGENALAN

<p><i>Kajian pemetaan isu bagi tahun 2024 di Parlimen Shah Alam ini diadakan dengan usahasama daripada YB Tuan Azli Yusof daripada parti AMANAH.</i></p>		 <p>YB Tuan Azli Yusof</p>																								
Parlimen	P 108																									
Kawasan	Shah Alam																									
Negeri	Selangor																									
Jumlah penduduk	438,745 orang																									
	<table border="1"> <thead> <tr> <th>BIL.</th> <th>KAUM</th> <th>BIL.</th> <th>% BIL.</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>1.</td> <td>Bumiputera</td> <td>326,865</td> <td>74.5</td> </tr> <tr> <td>2.</td> <td>Cina</td> <td>74,587</td> <td>17.0</td> </tr> <tr> <td>3.</td> <td>India</td> <td>35,100</td> <td>8.0</td> </tr> <tr> <td>4.</td> <td>Lain_lain</td> <td>2,193</td> <td>0.5</td> </tr> <tr> <td colspan="2">JUMLAH KESELURUHAN</td> <td>438,745</td> <td>100.00</td> </tr> </tbody> </table>		BIL.	KAUM	BIL.	% BIL.	1.	Bumiputera	326,865	74.5	2.	Cina	74,587	17.0	3.	India	35,100	8.0	4.	Lain_lain	2,193	0.5	JUMLAH KESELURUHAN		438,745	100.00
BIL.	KAUM	BIL.	% BIL.																							
1.	Bumiputera	326,865	74.5																							
2.	Cina	74,587	17.0																							
3.	India	35,100	8.0																							
4.	Lain_lain	2,193	0.5																							
JUMLAH KESELURUHAN		438,745	100.00																							
	<p>Sumber: <i>Statistik Subnasional Parlimen Dan Dun - Parlimen Shah Alam Selangor, Jabatan Perangkaan Malaysia, 2022.</i></p>																									
Kegiatan ekonomi utama	<ul style="list-style-type: none"> • Perindustrian – Industri berat, terdapat kilang-kilang terkenal bertapak di Shah Alam seperti Nestle, Panasonic, Sharp, BMW Auto, PROTON dan lainlain • Perkhidmatan – Aktiviti kewangan, insurans, hartanah, perkhidmatan • profesional dan kesenian merekodkan aktiviti ekonomi yang paling aktif 																									
Pasukan kajian	<ol style="list-style-type: none"> 1. Nurul Syaza Mazelan : Ketua Penyelidik & Penulis Laporan 2. Lydia Ann : Ketua Penyelidik Lapangan 3. Anthony Tan Kee Huat : Pengarah Kanan Pasukan Sokongan 4. Mary Malar Xavier : Pembantu Penyelidik 5. Nur Aisyah Mohd Zaidi : Pembantu Penyelidik 																									

2.0 PEMETAAN ISU

Terdapat 9 FGD dan 4 lawatan tapak telah dijalankan bersama komuniti tempatan dan NGO selama 3 hari di kawasan lokaliti Parlimen Shah Alam dan 1 sesi dialog dijalankan bersama agensi kerajaan selama setengah hari di MBSA Convention Center.

TARIKH	PERKARA
24 Februari 2024, Sabtu	<ul style="list-style-type: none">• Dialog Bersama Komuniti Ibu Tunggal• Dialog Bersama Komuniti Belia Niaga Seksye 18• Dialog Bersama Komuniti Peniaga Uptown Seksyen 24• Lawatan Tapak ke Ibu Tunggal Tapak Niaga Sementara (Hadapan Pasaraya Ole-ole Seksyen 18)
25 Februari 2024, Ahad	<ul style="list-style-type: none">• Dialog Bersama Komuniti B40 Pangsapuri Melati, Taman Bukit Subang• Dialog Bersama Komuniti Pangsapuri Sunway Sinar, Seksyen U9• Dialog Bersama Komuniti India• Dialog Bersama Kg Padang Jawa• Lawatan Tapak ke Kawasan Banjir Kg Padang Jawa Petaling
26 Februari 2024, Isnin	<ul style="list-style-type: none">• Lawatan Tapak ke Kawasan Banjir Kampung Kebun Bunga• Lawatan Tapak ke Kawasan Sekitar Kg Kuantan• Dialog Bersama wakil pihak industri• Dialog Bersama Komuniti Kg Kuantan
1 Ogos 2024, Khamis	<ul style="list-style-type: none">• Dialog bersama agensi kerajaan

PENEMUAN KAJIAN

ISU UTAMA	KUMPULAN SASARAN	PENERANGAN ISU	ULASAN AGENSI KERAJAAN
ISU SOSIAL			
Keperluan pengstruktur semula sistem agihan bantuan kerajaan	<ul style="list-style-type: none"> • Ibu Tunggal • Penduduk pangsapuri B40 	<ul style="list-style-type: none"> • Data di dalam digital sistem perlu disemak semula kerana berlaku ketidakadilan dalam pengagihan bantuan. • Sistem bersepadu untuk memantau pengagihan bantuan kewangan Kerajaan perlu dibangunkan secepat mungkin untuk memastikan bantuan dapat disampaikan kepada mereka yang memerlukan. • Syarat bantuan JKM perlu diteliti semula terutama bagi kes ibu yang mempunyai anak bekerja tetapi tidak mampu menanggung sara hidup keluarga. 	<p>Jabatan Kebajikan Malaysia:</p> <p>Terdapat kriteria tertentu yang perlu dipenuhi dan diakui dari individu pemohon. Bagi pemohon yang menerima beberapa bantuan, tidak akan diterima. Namun, isu ini tidak dapat dikenalpasti secara semakan digital dan maklumat hanya berdasarkan manual yang diisi pemohon.</p>
Kesulitan akses ke kemudahan kesihatan	<ul style="list-style-type: none"> • Ibu Tunggal Seksyen 24 • Penduduk Pangsapuri Melati 	<ul style="list-style-type: none"> • Ibu tunggal menghadapi kesulitan akses rawatan Kesihatan disebabkan masalah pengangkutan. • Warga emas dan Kumpulan B40 mengalami kesulitan dalam pengangkutan untuk ke hospital/ klinik. 	<p>MBSA (Jabatan Pembangunan Komuniti):</p> <p>MBSA telah menyediakan perkhidmatan kenderaan untuk komuniti setempat yang memerlukan. Rakyat perlu memohon melalui panggilan telefon ke uniti Jabatan Pembangunan Komuniti MBSA. Namun begitu, kenderaan yang disediakan terhad dengan satu kenderaan sahaja.</p>

ISU UTAMA	KUMPULAN SASARAN	PENERANGAN ISU	ULASAN AGENSI KERAJAAN
Tiada Sijil Kelahiran dan IC untuk penduduk tempatan India	<ul style="list-style-type: none"> Komuniti India 	<ul style="list-style-type: none"> Sukar untuk penduduk tempatan India untuk berdaftar ke sekolah dan mendapat kerja disebabkan kekurangan dokumen kewarganegaraan. 	<p>Jabatan Pendaftaran Negara: Setiap kelahiran yang berlaku di Malaysia perlu didaftarkan di JPN tanpa mengira status kewarganegaraan ibu bapa. Individu yang masih belum berdaftar masih boleh berdaftar tetapi proses pendaftaran menjadi lebih rumit kerana keperluan dokumentasi yang lebih banyak.</p>
Keperluan penambahbaikan cara pemilihan ahli majlis	<ul style="list-style-type: none"> Mantan ahli majlis MBSA 	<ul style="list-style-type: none"> Orang yang memegang jawatan ahli majlis perlu sensitif dengan isu rakyat dan proaktif menjadi pengantara antara pihak berkepentingan 	<p>MPP Zon 5: Seseorang yang memegang jawatan ahli majlis perlu sensitif dengan isu rakyat dan proaktif. Pelantikan ahli majlis adalah daripada ahli politik yang mempunyai jawatan dalam parti tertentu yang mana mereka sememangnya cakna dengan isu setempat.</p> <p>MPP Zon 22: Memberikan cadangan untuk menambahbaik akta semasa berkaitan perlantikan ahli majlis supaya jumlah ahli majlis dapat ditambah seiring dengan jumlah populasi semasa.</p>

ISU UTAMA	KUMPULAN SASARAN	PENERANGAN ISU	ULASAN AGENSI KERAJAAN
Kesukaran memiliki rumah	<ul style="list-style-type: none"> • Belia 	<ul style="list-style-type: none"> • Kesukaran untuk memiliki rumah sebab peniaga kecil tidak mempunyai slip gaji atau peniagaan yang tidak berlesen. 	<p>Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor:</p> <p>Bagi isu kesukaran memiliki rumah, terdapat program khas telah dijalankan untuk membantu rakyat untuk menduduki rumah persendirian sama ada untuk memiliki atau menyewa pada kadar yang rendah dengan syarat-syarat tertentu.</p>
Peluang yang terhad dalam program Rumah Selangorku	<ul style="list-style-type: none"> • Ibu Tunggal • Komuniti B40 	<ul style="list-style-type: none"> • Gaji sebanyak RM3000-4000 tidak layak untuk program Rumah Selangorku tetapi dengan kos sara hidup kini, ramai yang sukar memiliki rumah. 	
Penyalahgunaan dadah	<ul style="list-style-type: none"> • Kampung Kuantan • Belia 	<ul style="list-style-type: none"> • Penggunaan ganja, ketum dan 'mushroom' dalam kalangan belia dan penduduk 	<p><i>Isu ini tidak dibincangkan dalam Sesi Dialog bersama Agensi Kerajaan.</i></p>
Tahap literasi digital yang rendah	<ul style="list-style-type: none"> • Ibu Tunggal 	<ul style="list-style-type: none"> • Kekurangan literasi digital dalam kalangan yang lebih berusia atau kurang terdedah dengan teknologi maklumat mudah tercicir dengan pengisian borang bantuan dalam talian atau tahu tentang apa-apa jenis bantuan. 	<p>MBSA (Jabatan Digital & Teknologi Maklumat):</p> <p>Pihak MBSA mencadangkan untuk membuat pendekatan berbeza dengan golongan yang keciciran maklumat melalui digital dengan menggunakan platform yang lebih mesra pengguna iaitu melalui media sosial serta mengadakan program bersemuka dengan rakyat.</p>

ISU UTAMA	KUMPULAN SASARAN	PENERANGAN ISU	ULASAN AGENSI KERAJAAN
Kurang minat dalam pendidikan bagi pelajar-pelajar dari komuniti B40	<ul style="list-style-type: none"> • Penduduk Pangsapuri Melati • Penduduk Pangsapuri Sunway Sinar 	<ul style="list-style-type: none"> • Yuran kelas tambahan persendirian sangat mahal. • Mencadangkan untuk mengadakan kelas tambahan bagi subjek Matematik, Sains dan Inggeris untuk pelajar B40. • Kepentingan pendidikan juga perlu ditekankan untuk menarik minat pelajar. 	<p>MPP Zon 22: Terdapat inisiatif pembukaan perpustakaan yang bertumpu di kawasan komuniti B40 tetapi masih belum ada inisiatif untuk kelas tuisyen kepada komuniti B40. Pihak MPP akan berusaha untuk mendapatkan usahasama dengan pejabat DUN dan sukarelawan untuk mengadakan inisiatif kelas tuisyen.</p>
Masalah kurang parkir kereta mengganggu kesejahteraan penduduk	<ul style="list-style-type: none"> • Penduduk Pangsapuri Melati 	<ul style="list-style-type: none"> • Kekurangan tempat parkir disebabkan orang luar yang letak kenderaan di kawasan pangsapuri. • Banyak pekerjaan yang melibatkan lori. Oleh itu, pemandu lori rasa terdesak untuk mencari tempat parkir. 	<p>MPP Zon 22: Perancangan pembangunan bagi rumah kos rendah yang mempunyai 400 hingga 500 unit dianggarkan hanya menyediakan 300 unit tempat letak kenderaan sahaja kerana menganggap penduduk majoriti tidak mempunyai kenderaan. Namun, tren amsa kini berbeza. Maka, MPP mencadangkan untuk menyediakan tempat letak kenderaan berdekatan dengan kawasan pangsapuri.</p>

ISU UTAMA	KUMPULAN SASARAN	PENERANGAN ISU	ULASAN AGENSI KERAJAAN
Masalah bekalan elektrik	<ul style="list-style-type: none"> • Penduduk Kampung Padang Jawa 	<ul style="list-style-type: none"> • Tiada bekalan elektrik yang konsisten untuk penduduk kampung yang berlarutan selama 3 tahun. • Sudah 6 kali mengadakan perbincangan dengan TNB tetapi tiada tindakan daripada pihak tersebut. 	<p>MPP Zon 5: Rumah yang dibina tidak berdaftar untuk mendapatkan bekalan elektrik dan hanya berkongsi bil dengan alamat yang berdaftar.</p> <p>Pejabat Daerah Petaling: Terdapat usaha telah dilakukan oleh pihak ahli Parlimen dan pihak TNB untuk menyelesaikan isu ini.</p>
Keadaan pangsapuri yang nampak kusam	<ul style="list-style-type: none"> • Penduduk pangsapuri Melati 	<ul style="list-style-type: none"> • Dicadangkan bangunan dicat semula supaya penduduk akan rasa lebih bersemangat secara tidak langsung. 	<p><i>Isu ini tidak dibincangkan dalam Sesi Dialog bersama Agensi Kerajaan.</i></p>
Bumbung pangsapuri sudah bocor dan usang	<ul style="list-style-type: none"> • Penduduk Pangsapuri Sunway Sinar 	<ul style="list-style-type: none"> • Kesejahteraan hidup penduduk pangsapuri terganggu dengan kebocoran bumbung tambahan lagi apabila hari hujan. 	<p>MPP Zon 22: Pihak JMB sedang berusaha menyelesaikan isu bil air yang tinggi sejak bulan Mei yang lalu sebagai isu utama yang perlu diselesaikan terlebih dahulu. Buat masa ini, pihak JMB telah berjaya mengurangkan bil air dari RM50,000 kepada RM40,000.</p>

ISU UTAMA	KUMPULAN SASARAN	PENERANGAN ISU	ULASAN AGENSI KERAJAAN
Kerap berlaku kemalangan	<ul style="list-style-type: none"> • Penduduk Pangsapuri Sunway Sinar 	<ul style="list-style-type: none"> • Jalan masuk ke Pangsapuri Sunway Sinar mudah berlaku kemalangan disebabkan <i>blindspot</i>, atau terdapat Lorong yang tajam. 	<p>MPP Zon 22: Wakil MPP Zon 5 mencadangkan untuk meletakkan cermin cengkung (<i>convex mirror</i>) sebagai langkah pencegahan kemalangan dan akan mengutarakan hal ini kepada Jabatan Kejuruteraan MBSA.</p>
Keadaan jalan berbahaya	<ul style="list-style-type: none"> • Kampung Kuantan 	<ul style="list-style-type: none"> • Simpang 'X' yang memberhayakan pengguna jalan raya. • Walaupun lampu sudah dipasangkan untuk memberi amaran kepada pengguna tetapi lampu tersebut tidak memadai. • Cadangan: wujudkan bonggol atau speed breaker di jalan raya. 	<p><i>Isu ini tidak dibincangkan dalam Sesi Dialog bersama Agensi Kerajaan.</i></p>
Pemakaian meter pukal membebaskan penduduk	<ul style="list-style-type: none"> • Penduduk Pangsapuri Sunway Sinar 	<ul style="list-style-type: none"> • Penduduk terpaksa bayar 2 jenis saluran air iaitu meter sendirian dan meter pukal. • Bekalan air akan diberhentikan untuk semua penduduk pangsapuri jika meter pukal tidak dibayar. • Cadangan: Hapuskan meter pukal sebab semua isi rumah suda ada meter sendirian. 	<p>MPP Zon 22: Permohonan untuk menghentikan meter pukal telah diajukan kepada AIR Selangor dan masih menunggu tindakan diambil.</p>

ISU UTAMA	KUMPULAN SASARAN	PENERANGAN ISU	ULASAN AGENSI KERAJAAN
ISU EKONOMI			
Kos modal perniagaan semakin tinggi	<ul style="list-style-type: none"> • Ibu Tunggal • Peniaga kecil belia • Penduduk Kampung Kuantan 	<ul style="list-style-type: none"> • Kos bahan mentah yang tinggi menyebabkan para peniaga tertekan dengan harga barang dan harga jualan yang kecil. 	<i>Isu ini tidak dibincangkan dalam Sesi Dialog bersama Agensi Kerajaan.</i>
Lokasi kedai-kedai bersubsidi tidak strategik	<ul style="list-style-type: none"> • Peniaga-peniaga kecil • Ibu tunggal 	<ul style="list-style-type: none"> • Kedai Ehsan terletak di kawasan penduduk yang lebih berkemampuan daripada penduduk di seksyen lain (seksyen 24 dll.) • Lokasi kedai Rahmah rakyat tidak tertumpu kepada penduduk yang lebih memerlukan. 	MBSA: Kedai Ehsan adalah bertujuan untuk memberikan perkhidmatan kepada semua kawasan.
Keperluan 'one-stop-centre' untuk peniaga kecil belia	<ul style="list-style-type: none"> • Peniaga belia kecil 	<ul style="list-style-type: none"> • Belia perlu sokongan fizikal dan modal untuk memulakan perniagaan • One stop center ini berpotensi menjadi pusat perkhidmatan perniagaan dan latihan keusahawaan untuk peniaga kecil belia • Kebanyakan kos latihan keusahawanan mengenakan caj amat tinggi (<i>digital marketing dll.</i>) 	MBSA: Pihak MBSA sedia membantu peniaga yang memerlukan sokongan perniagaan.

ISU UTAMA	KUMPULAN SASARAN	PENERANGAN ISU	ULASAN AGENSI KERAJAAN
Akses jalan laluan ke Uptown Seksyen 24 tidak memuaskan	<ul style="list-style-type: none"> • Peniaga uptown Seksyen 24 	<ul style="list-style-type: none"> • Uptown Shah Alam Seksyen 24 berpotensi sebagai pusat pelancongan. Justeru, laluan masuk ke Uptown perlu dibaiki. 	<i>Tiada ulasan diberikan oleh pihak PKNS berkenaan isu ini.</i>
Lambakan peniaga 'Ali Baba' atau warga asing	<ul style="list-style-type: none"> • Komuniti India 	<ul style="list-style-type: none"> • Lambakan peniaga 'Ali Baba' yang mengancam dan menopoli perniagaan penduduk tempatan 	<p>MBSA: Pihak MBSA mengakui isu lambakan warga asing di Shah Alam perlu diambil kira. Seterusnya, membangkit isu mengenai layanan pihak tempatan kepada imigran yang perlu diberikan perhatian lebih wajar.</p>
Terlalu banyak peniaga berbanding pembeli	<ul style="list-style-type: none"> • Peniaga kecil belia • Ibu Tunggal 	<ul style="list-style-type: none"> • Dalam satu kawasan tersebut terdapat lebih banyak peniaga yang bertapak (di kawasan letak kenderaan) daripada pembeli. • Kesesakan jalan raya dan kurang menarik minat pelanggan untuk datang ke kawasan tersebut. (Cth: tapak perniagaan di hadapan Pasaraya Ole Ole) 	<p>PKNS dan MBSA: Peniaga perlu mengambil positif isu ini sebagai persaingan yang sihat dalam perniagaan.</p>

ISU UTAMA	KUMPULAN SASARAN	PENERANGAN ISU	ULASAN AGENSI KERAJAAN
Tapak perniagaan tidak berlesen	<ul style="list-style-type: none"> • Peniaga kecil belia • Ibu Tunggal 	<ul style="list-style-type: none"> • Berlaku disebabkan lesen perniagaan tidak lulus, perniagaan yang kompetitif dan kekurangan tapak perniagaan, • Sesetengah peniaga berniaga di kawasan Masjid al-Hidayah walaupun kawasan tersebut ada pencawang dan tidak dibenarkan berniaga. 	<p>MBSA (Jabatan Perlesenan): Permohonan lesen perlu mengikut syarat diperlukan.</p>
Sistem <i>foodpanda</i> atau <i>grabfood</i> yang memberi tekanan kepada <i>rider</i> .	<ul style="list-style-type: none"> • Peniaga kecil belia 	<ul style="list-style-type: none"> • Sistem grab food dan foodpanda yang mengurangkan komisen kepada rider apabila rider mengambil order jarak jauh. 	<p>MBSA / Bekas pemandu Grab: Isu ini kebiasaannya berkait dengan tempahan bertindih pada masa yang sama menyebabkan penunggang atau pemandu Grab kurang mendapat untung.</p>
Persaingan jualan dari Tiktok shop mengancam peniaga kecil	<ul style="list-style-type: none"> • Peniaga kecil belia • Ibu Tunggal • Peniaga Uptown Seksyen 24 	<ul style="list-style-type: none"> • Akibat produk luar negara dijual dengan harga yang sangat murah. • Peniaga tempatan tidak mampu bersaing. • Ada juga peniaga di TikTok Shop menjual dengan harga kilang dan peruncit tempatan (<i>offline</i>) kurang mendapat sambutan. 	<p>PKNS dan MBSA: Peniaga perlu mengambil positif isu ini sebagai persaingan yang sihat dalam perniagaan.</p>

ISU UTAMA	KUMPULAN SASARAN	PENERANGAN ISU	ULASAN AGENSI KERAJAAN
Kilang tidak berlesen	<ul style="list-style-type: none"> Wakil pihak industri 	<ul style="list-style-type: none"> Walaupun kilang tidak berlesen tetapi TNB dan Air Selangor membekal sumber air dan elektrik ke industri tersebut. Keperluan pemutihan kilang tidak berlesen 	<p>MBSA (Jabatan Perlesenan): Pihak MBSA sedang dalam proses penyediaan kertas kerja dan tindakan yang perlu diambil sehingga tahun 2027. Namun, terdapat cabaran dalam pemutihan kilang ini seperti pengaruh politik dan sumber kewangan kerajaan negeri. Bagi kilang yang melakukan pencemaran alam, tindakan akan terus diambil.</p>
Pemprosesan permit pekerja asing yang rumit	<ul style="list-style-type: none"> Peniaga Pihak industri 	<ul style="list-style-type: none"> Isu birokrasi pemprosesan permit pekerja asing (Immigration) di mana pekerja asing terpaksa mengguna perkhidmatan ejen. Disebabkan permit mengambil masa yang lama untuk dapat, peniaga atau industri terpaksa dapatkan pekerja asing tanpa permit untuk menjalankan operasi kilang/ perniagaan. 	<p>Jabatan Imigresen: Pegawai imigresen menyatakan proses dan kaedah untuk permohonan pekerja asing oleh majikan yang merangkumi kelulusan dari Kementerian Sumber Manusia, Kementerian Dalam Negeri dan Jabatan Imigresen. Selain itu, pihak majikan perlu mempunyai lesen daripada PBT untuk mendapatkan permit pekerja asing.</p> <p>Ejen diperlukan adalah kerana ejen tersebut sudah mempunyai hubungan dua hala dengan negara luar dan bertujuan untuk mnegawal kemasukan pekerja asing.</p>

ISU UTAMA	KUMPULAN SASARAN	PENERANGAN ISU	ULASAN AGENSI KERAJAAN
ISU ALAM SEKITAR			
Pengurusan tong sampah di tapak perniagaan	<ul style="list-style-type: none"> • Peniaga Uptown seksyen 24 	<ul style="list-style-type: none"> • Tong sampah khas untuk peniaga berdekatan dengan tempat letak Kereta terlalu penuh dan perlukan tong yang lebih besar. • Cadangan: adakan <i>recycle bin</i> untuk peniaga. 	<p>PKNS: Pihak PKNS telah menyediakan 3 tong sampah besar bagi peniaga di Uptown. Namun begitu, daripada pemerhatian PKNS, penduduk sekitar mengambil kesempatan untuk membuang sampah di tong sampah tersebut. Pihak PKNS juga berharap dapat bekerjasama dengan MBSA untuk menyelesaikan isu ini.</p>
Tong Sampah tidak mencukupi	<ul style="list-style-type: none"> • Kampung Padang Jawa 1 & 2 	<ul style="list-style-type: none"> • 1 tong sampah sahaja untuk kedua-dua kampung tidak mencukupi. 	<p>MPP Zon 5: Sekarang, terdapat tong sampah telah disediakan untuk setiap rumah tetapi masih tempoh percubaan.</p>
Larian air yang terlalu banyak dari pembangunan kawasan sekitar	<ul style="list-style-type: none"> • Penduduk Pangsapuri Sunway Sinar 	<ul style="list-style-type: none"> • Pembangunan Montez Gold & Country Club terletak di kawasan tanah tinggi. Justeru, jika hari hujan lebat, air mudah masuk ke kawasan pangsapuri dari Blok 3 ke Blok 1. • Hal ini juga disebabkan isu perparitan yang tidak mampu menampung jumlah air yang banyak. 	<p>MPP Zon 22: Pihak Jabatan Kejuruteraan MBSA sedang mencari solusi untuk permasalahan ini.</p>

ISU UTAMA	KUMPULAN SASARAN	PENERANGAN ISU	ULASAN AGENSI KERAJAAN
	<ul style="list-style-type: none"> • Penduduk Kampung Kebun Bunga 	<p>Kawasan yang mudah terkena banjir. Antara penyebab adalah:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Pembangunan persekitaran kampung seperti Condo (The Greens)/ apartment/ industri (Xin Hwa) telah menyebabkan pembersihan tanah dan kemudian air salur ke kawasan kampung Ketika hujan. • Infrastruktur kolam takungan yang perlu penyelenggaraan (jentera lama, tiada bekalan elektrik untuk hidupkan jentera) • Sistem perparitan yang perlu diperbaiki (parit putus, longkang yang kecil) 	
Kereta Terabai	<ul style="list-style-type: none"> • Penduduk Kampung Padang Jawa 	<ul style="list-style-type: none"> • Akibat banjir teruk pada tahun 2021, banyak kereta yang telah rosak terabai di tepi jalan. • Keadaan jalan yang terganggu dengan kereta terabai ini menyebabkan kesesakan jalan 	<p>MPP Zon 5: Penguatkuasa MBSA telah menjalankan pemantauan kereta yang terbiar. Namun, kekangan yang dihadapi adalah tiada tempat depoh untuk mengumpulkan kereta terbiar ini. Tambahan pula, terdapat proses yang banyak untuk menguruskan kereta terbiar ini yang melibatkan polis dan JPJ.</p> <p>MPP Zon 5: Hanya lebih kurang 200 kenderaan sahaja dapat dilupuskan dalam 6 bulan. Namun,</p>

ISU UTAMA	KUMPULAN SASARAN	PENERANGAN ISU	ULASAN AGENSI KERAJAAN
			<p>jumlah aduan kenderaan terbiar hampir 150 buah kenderaan sebulan menyebabkan isu ini sukar diselesaikan.</p> <p>MBSA (Jabatan Penguatkuasa): Depoh kenderaan untuk dilupuskan sentiasa penuh kerana mengambil masa 6 bulan untuk melupuskan kereta-kereta tersebut dan bergantung kepada keputusan mesyuarat.</p>
Sistem perparitan yang tidak sempurna	<ul style="list-style-type: none"> • Penduduk Kampung Kuantan (mangsa banjir) 	<ul style="list-style-type: none"> • Pembangunan sekitar kampung termasuk Apartmen/Kondominium Bernama: Parc Regency, Pelangi 1 & 2, Dynasty, Permai, Pangsapuri Bukit Kuda dan Flat Putih telah menyebabkan kawasan kampung tenggelam dan saluran air daripada bangunan tersebut mengalir ke Jalan Bukit Kuda. • Cadangan: Sungai Klang untuk didalamkan. Tumpuan air didalamkan. • Pembahagian bidang kuasa yang berbeza dalam pengurusan longkang menyukarkan proses peyelenggaraan (JPS, MBSA dan Pejabat Daerah) 	<p>MPP Zon 22: Pihak Jabatan Kejuruteraan MBSA sedang mencari solusi untuk permasalahan ini.</p>

ISU UTAMA	KUMPULAN SASARAN	PENERANGAN ISU	ULASAN AGENSI KERAJAAN
Kapasiti kolam takungan dan longkang yang terhad	<ul style="list-style-type: none"> • Penduduk Kampung Kuantan 	<ul style="list-style-type: none"> • Kolam takungan di Taman Berkeli tidak dapat menampung air yang banyak. • Meskipun ada longkang di apartment Bukit Kuda tetapi longkang tersebut terlalu kecil untuk mengalir ke Sungai. 	<i>Isu ini tidak dibincangkan dalam Sesi Dialog bersama Agensi Kerajaan.</i>
Pembersihan hutan tanpa penyelidikan/ survei	<ul style="list-style-type: none"> • Wakil pihak industri 	<ul style="list-style-type: none"> • Pembersihan kawasan hutan tanpa survei mengakibatkan haiwan liar mudah masuk kawasan perumahan. 	<i>Isu ini tidak dibincangkan dalam Sesi Dialog bersama Agensi Kerajaan.</i>
Ancaman haiwan liar	<ul style="list-style-type: none"> • Penduduk Kampung Padang Jawa 	<ul style="list-style-type: none"> • Disebabkan pembersihan tanah dan pembangunan, habitat liar seperti biawak, monyet mula masuk ke kawasan kampung. • Hal ini juga menyebabkan sisa sampah bersepah di sekitar kampung. • Hasil ikan pun berkurangan kerana kedatangan biawak. 	<p>Jabatan Kesihatan MBSA: MBSA hanya menangkap haiwan yang mengacau ganggu seperti anjing liar dan lembu yang berkeliaran. Namun, bagi haiwan liar lain seperti biawak dan monyet, sewajarnya di bawah pantauan PERHILITAN.</p>
Pokok yang terlalu tinggi	<ul style="list-style-type: none"> • Kawasan perumahan Kampung Kuantan 	<ul style="list-style-type: none"> • Pokok yang terlalu tinggi melindungi lampu di jalan. • Boleh menyebabkan kemalangan. 	<i>Isu ini tidak dibincangkan dalam Sesi Dialog bersama Agensi Kerajaan.</i>

3.0 PENGUTAMAAN ISU

PENGUTAMAAN ISU 1: KEMISKINAN BANDAR

Permasalahan berkaitan dengan Isu	<ol style="list-style-type: none"> 1. Peningkatan kos sara hidup 2. Keciciran bantuan 3. Kurang akses kepada pendidikan dan kurang kemahiran digitalisasi
Cadangan	<ol style="list-style-type: none"> 1. Mengadakan program penajaan pendapatan bagi golongan ibu tunggal dan B40 2. Keperluan pengstrukturkan semula agihan bantuan 3. Memberikan akses pendidikan tambahan seperti kelas tuisyen percuma kepada golongan B40 4. Meningkatkan kemahiran literasi digital dan keusahawanan dalam kalangan ibu tunggal dan B40
Kumpulan Terjejas	<ul style="list-style-type: none"> • Ibu tunggal • Penduduk tempatan
Kawasan	<ul style="list-style-type: none"> • Seksyen 24 • Kg Padang Jawa • Kg Kuantan • Pangsapuri Melati, Taman Bukit Subang • Pangsapuri Sunway Sinar
SDG BERKAITAN DENGAN ISU UTAMA	
SDG YANG BERKAITAN	SASARAN SDG BERKAITAN
Matlamat 1: Tiada Kemiskinan	<p>Sasaran 1.1: Menjelang 2030, membasmi kemiskinan tegar semua manusia di seluruh dunia, yang kini diukur dengan kos sara hidup kurang daripada \$1.25 sehari</p> <p>Sasaran 1.2: Menjelang 2030, mengurangkan sekurang-kurangnya separuh daripada jumlah lelaki, wanita dan kanak-kanak di semua peringkat umur yang hidup dalam semua dimensi kemiskinan menurut takrif nasional</p> <p>Sasaran 1.3: Melaksanakan sistem dan langkah perlindungan sosial yang sesuai di seluruh negara, termasuk peringkat perlindungan, serta mencapai</p>

	<p>perlindungan yang mencukupi bagi golongan miskin dan berisiko menjelang 2030</p> <p>Sasaran 1.5: Menjelang 2030, membina daya tahan golongan miskin dan berisiko, serta mengurangkan pendedahan dan risiko mereka terhadap peristiwa berkaitan iklim melampau serta kejutan dan bencana ekonomi, sosial dan alam sekitar yang lain.</p>
Matlamat 8: Pekerjaan yang Baik dan Pertumbuhan Ekonomi	<p>Sasaran 8.4: Meningkatkan secara progresif kecekapan sumber global dalam penggunaan dan pengeluaran sepanjang 2030, serta berusaha memisahkan pertumbuhan ekonomi daripada kemerosotan alam sekitar, selaras dengan Rangka Kerja 10 Tahun Program Penggunaan dan Pengeluaran Mampan dengan negara maju sebagai peneraju</p> <p>Sasaran 8.5: Menjelang 2030, mencapai guna tenaga penuh dan produktif serta pekerjaan yang sesuai untuk semua wanita dan lelaki, termasuk belia dan orang kurang upaya, serta bayaran sama rata untuk kerja yang sama nilainya</p>

PENGUTAMAAN ISU 2: BANJIR

Permasalahan berkaitan dengan Isu	<ol style="list-style-type: none"> 1. Sistem perparitan tidak sistematik 2. Longgokan kereta rosak dan terbiar
Cadangan	<ol style="list-style-type: none"> 1. Mengadakan program kesedaran kepada penduduk mengenai persediaan menghadapi musibah banjir 2. Keperluan semakan semula dasar dan polisi berkaitan pengangkutan yang melibatkan pelupusan kenderaan terbiar.
Kumpulan Terjejas	Penduduk tempatan
Kawasan	<ul style="list-style-type: none"> • Kg Kuantan • Kg Padang Jawa
SDG BERKAITAN DENGAN ISU UTAMA	
SDG YANG BERKAITAN	SASARAN SDG BERKAITAN
Matlamat 1: Tiada Kemiskinan	Sasaran 1.5: Menjelang 2030, membina daya tahan golongan miskin dan berisiko, serta mengurangkan

	pendedahan dan risiko mereka terhadap peristiwa berkaitan iklim melampau serta kejutan dan bencana ekonomi, sosial dan alam sekitar yang lain
Matlamat 11: Bandar dan Komuniti Mampan	<p>Sasaran 11.5: Menjelang 2030, mengurangkan jumlah kematian dan jumlah orang terjejas dengan signifikan dan mengurangkan dengan ketara kerugian ekonomi langsung berbanding keluaran dalam negara kasar global yang disebabkan oleh bencana, termasuk bencana berkaitan air, dengan tumpuan kepada perlindungan golongan miskin dan golongan yang berisiko</p> <p>Sasaran 11.b: Menjelang 2020, peningkatan dengan ketara jumlah bandar raya dan penempatan manusia yang mengguna pakai dan melaksanakan dasar dan pelan bersepadu ke arah penyertaan, kecekapan sumber, pengurangan dan penyesuaian kepada perubahan iklim, ketahanan kepadabencana, serta membangunkan dan melaksanakan pengurusan risiko bencana yang holistik pada semua peringkat sejajar dengan Rangka Kerja Sendai untuk Pengurangan Risiko Bencana 2015-2030</p>

PENGUTAMAAN ISU 3: CABARAN PERNIAGAAN

Permasalahan berkaitan dengan Isu	<ol style="list-style-type: none"> 1. Peningkatan kos barang perniagaan 2. Kekurangan kemahiran perniagaan 3. Tempat perniagaan tidak strategik
Cadangan	<ol style="list-style-type: none"> 1. Mengadakan program penjanaaan pendapatan bagi meningkatkan kemahiran belia dalam perniagaan 2. Menambahbaik akses ke kawasan perniagaan dan meningkatkan pemasaran perniagaan
Kumpulan Terjejas	<ul style="list-style-type: none"> • Peniaga kecil • Belia
Kawasan	<ul style="list-style-type: none"> • Uptown Seksyen 24 • Tapak perniagaan sementara Seksyen 18

SDG BERKAITAN DENGAN ISU UTAMA	
SDG YANG BERKAITAN	SASARAN SDG BERKAITAN
<p>Matlamat 8: Menggalakkan pertumbuhan ekonomi yang mampan, menyeluruh dan berkekalan, guna tenaga penuh dan produktif serta pekerja yang sesuai untuk semua</p>	<p>Sasaran 8.2: Mencapai tahap produktiviti ekonomi yang lebih tinggi melalui kepelbagaian, penaiktarafan dan inovasi teknologi, termasuk melalui tumpuan kepada sektoryang mempunyai nilai ditambah tinggi dan intensif buruh</p> <p>Sasaran 8.3: Menggalakkan dasar berorientasikan pembangunan yang menyokong aktiviti produktif, penciptaan pekerjaan yang sesuai, keusahawanan, kreativiti dan inovasi, serta menggalakkan pemformalan dan pertumbuhan perusahaan bersaiz mikro, kecil dan sederhana, termasuk menerusi akses kepada perkhidmatan kewangan</p> <p>Sasaran 8.6: Menjelang 2020, mengurangkan dengan ketara jumlah belia yang bukan dalam pekerjaan, pendidikan atau latihan</p>



APPGM-SDG

DILULUSKAN OLEH PARLIMEN MALAYSIA KE-15



Persatuan Promosi Matlamat Pembangunan Lestari

📍 A-1-10, Block A, 8 Avenue, Jalan Sungai Jernih 8/1,
Seksyen 8, Petaling Jaya, 46050, Selangor

✉️ secretariat@appgm-sdg.com

📘 <https://www.facebook.com/APPGMSDGMY>

🌐 <https://appgm-sdg.com/>